

25/11/2000

Merajuk hanya cerita `gempar`

DI sebalik apa yang mereka sendiri gembar-gemburkan sebelumnya, DAP memutuskan untuk kekal dalam pakatan pembangkang yang turut disertai Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Namun, andainya disorot kembali gimik parti itu pada masa lalu, sebenarnya tiada apa-apa yang menghairankan. Sudah menjadi resmi parti itu yang sering membuat `gempar` di sana-sini untuk menagih perhatian kerana itu sajalah modal yang mereka ada. Perkembangan terbaru menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, 29 November ini, tiada bezanya.

Gembar-gembar DAP akan memulaukan kempen pembangkang kerana membantah keputusan pakatan itu memilih calon Keadilan, Saifudin Nasution Ismail, untuk bertanding di Lunas, segera dirumuskan sebagai helah mereka semata-mata. Seolah-olah untuk menidakkan tanggapan demikian, DAP memilih menutup bilik gerakannya. Tetapi, keputusan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) parti itu dalam mesyuaratnya di Petaling Jaya malam Rabu lalu untuk kekal dalam pakatan pembangkang, kembali mendedahkan perkara sebenar bahawa DAP sebenarnya hanya bersandiwara.

Sebenarnya, DAP sendiri menyedari tiada untungnya ia merajuk berpanjangan. Tarikh pilihan raya kecil Lunas sudah pun ditetapkan. Begitu juga senarai calonnya yang tidak memungkinkan sebarang perubahan. Kepercayaan DAP bahawa Lunas secara tradisinya adalah `milik` parti itu juga sudah dinafikan oleh regu mereka sendiri dalam pakatan pembangkang. Demikianlah kerdilnya kedudukan DAP kini yang tidak ubah seperti penumpang. Secara tidak langsung juga, ia menggambarkan tiadanya permuafakatan dalam barisan pembangkang di sebalik kononnya mereka menjadi alternatif kepada Barisan Nasional (BN). Berlawanan dengan BN yang tidak pun perlu bertegang urat atau melontarkan pelbagai ancaman dalam menentukan calonnya, pembangkang pula `berperang` sesama sendiri sebelum dapat bertarung di medan sebenar.

Benarlah seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa pakatan pembangkang ini tidak ubah seperti tidur bersama tetapi mimpi lain-lain, dengan masing-masing hanya mahu mencari peluang menipu parti lain. Jika itu boleh dilakukan sesama parti pembangkang, kita khuatir untuk memikirkan apa yang boleh mereka berikan kepada pengundi di kawasan Lunas yang sudah banyak mengecap nikmat pembangunan dan kemakmuran. Kita percaya pengundi di kawasan berkenaan sudah cukup matang untuk membuat pilihan daripada hanya terpengaruh dengan isi ceramah pembangkang yang sekadar meniupkan api perkauman serta pelbagai janji manis untuk memancing undi semata-mata. Lainlah kalau pengundi lebih mempercayai gimik dan cerita gempar di sana-sini daripada fakta dan kebenaran yang ada di depan mata.

END